

10 JAN 2002

Syed Hamid-Jepun/I

KUALA LUMPUR TAWAR DIRI JADI TUAN RUMAH UNIVERSITI ASEAN-JEPUN

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Kuala Lumpur menawarkan diri menjadi tuan rumah Universiti Asean-Jepun yang dicadangkan penubuhannya dalam satu perbincangan yang berlangsung antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi di sini hari ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu yang berlangsung di pejabat perdana menteri di sini, juga tertumpu kepada latihan teknikal dan teknologi maklumat.

Bercakap pada sidang media selepas pertemuan itu, beliau berkata Koizumi sangat berminat mengenai perkara itu serta sanggup menyediakan pekerja terlatih dari negaranya sebagai tenaga pengajar dalam bidang teknikal di universiti berkenaan.

Malaysia bukan hanya menawarkan latihan dalam bidang teknikal tetapi ingin menaikkan tarafnya kepada universiti, dan Malaysia sanggup menyediakan tempat bagi Universiti Asean-Jepun ini.

"Ia bukan saja dapat memberi latihan kepada penduduk negara Asean tetapi juga dari rantau lain," kata Syed Hamid.

Koizumi tiba tengah hari tadi untuk lawatan sehari dalam rangka kunjungannya ke lima negara Asean.

Katanya Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh Malaysia 20 tahun lepas menjadi pengikat kukuh dalam hubungan Tokyo-Kuala Lumpur.

"Kita masih mempunyai lebih 1,000 penuntut Malaysia yang belajar di Jepun. Tapi kos menuntut di sana sangat tinggi," kata Syed Hamid.

Bagaimanapun, katanya, jika universiti yang dicadangkan itu terletak di Malaysia, kosnya lebih rendah manakala Jepun boleh menyediakan tenaga pengajar yang diperlukan.

Penubuhan Universiti Asean-Jepun itu dicadangkan oleh Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak Asean di Brunei tahun lepas, yang turut dihadiri Koizumi.

Syed Hamid juga berkata Malaysia mengharapkan kebangkitan semula ekonomi Jepun kerana ia boleh membantu menjadikan rantau ini lebih kuat dan teguh.

"Perbincangan meliputi semua dimensi hubungan antara kedua-dua negara," katanya.

Kedua-dua pemimpin juga sependapat bahawa semua negara perlu mengamalkan pendekatan baru dalam mengambil sesuatu tindakan berikutan serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept lalu.

"Mereka juga bersetuju bahawa di bawah WTO ekonomi sesebuah negara perlu kukuh dalam menghadapi serangan syarikat-syarikat multi nasional," katanya.

Syed Hamid berkata kedua-dua pemimpin sependapat bahawa negara-negara Asia Timur perlu berinteraksi dengan lebih rapat untuk membolehkan mereka menerajui ekonomi serantau atau dunia.

Katanya, Dr Mahathir dan Koizumi turut membincangkan isu Palestin dalam usaha mewujudkan keamanan dunia dan menghapuskan keganasan sejagat.

Ketika ditanya adakah mereka turut berbincang mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur, beliau berkata perkara itu tidak termasuk di dalam agenda.

"Tetapi, secara umumnya, Jepun bersetuju untuk terus memainkan peranan utama di rantau ini...mereka ingin mengatur rancangan," katanya.

Menurut Syed Hamid, umumnya, perbincangan kedua-dua pemimpin telah mencapai banyak hasil baik dari segi hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa.

-- BERNAMA
SR HK SP FAZ